



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/07/95 (HQ)

### TNB LANCAR VANTAGE RE LTD, MERANCAKKAN USAHA ESG GLOBAL

- Vantage akan memiliki, mengendali dan mengurus aset-aset dalam portfolio tenaga boleh baharu (RE) di United Kingdom dan serata Eropah
- Mempercepatkan usaha TNB dalam aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan pembabitannya dalam sektor tenaga di UK

Syarikat utiliti terulung Malaysia, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mempertingkatkan komitmennya dalam usaha berkaitan aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) global menerusi pelancaran sebuah syarikat pelaburan dan pengurusan aset tenaga boleh baharu (RE), Vantage RE Ltd (Vantage). Platform terbaharu ini akan memiliki, mengendalikan dan mengurus aset-aset dalam portfolio RE di United Kingdom dan serata Eropah.

Vantage akan menjadi komponen penting dalam perancangan bermatlamat TNB yang berpaksikan kepada amalan ESG dalam perniagaan syarikat utiliti itu. Selain itu, unjuran pertumbuhan RE yang mantap dan sokongan rangka kerja kawal selia di UK, serta berbekalkan pengalaman di negara itu, telah meletakkan TNB dalam kedudukan yang unik untuk menceburkan diri dalam lebih banyak peluang di benua itu. TNB telah melabur dalam sektor solar dan angin di UK sejak 2017. Sepanjang tempoh empat tahun lalu, TNB berjaya melabur dalam bidang RE di negara itu sebanyak hampir 400MW.

“Cabang perniagaan RE antarabangsa menjadi keutamaan TNB untuk terus berkembang maju dalam jangka masa panjang. Untuk mencapai aspirasi kami sebagai menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa, kami akan terus melabur dalam jumlah yang besar untuk bidang ini. Kami yakin aktiviti ini akan memberi sumbangan secara meluas terhadap penjana rendah karbon dan seterusnya merencanakan komitmen TNB terhadap matlamat ESG. Kami memahami kepentingan ESG terhadap para pelabur, selaras dengan nilai dan keutamaan dalam pemilihan pelaburan mereka,” kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Ir. Baharin Din.

“Kami tidak akan semata-mata melakukan inisiatif hijau tanpa hala tuju yang jelas, kerana kami tahu satu anjakan penting diperlukan untuk memperluaskan dan mendalami laluan kelestarian global. Dengan penubuhan Vantage, kami berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran keseluruhan kapasiti RE TNB sebanyak 8300MW. Maka, sejajar dengan visi ESG global TNB, kami akan terus mengembangkan portfolio RE dalam pasaran tumpuan kami serta memanfaatkan aset-aset, pengalaman dan keupayaan sedia ada,” tambah beliau.

Berpangkalan di London, Vantage bakal diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif Vian Davys yang memiliki lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang RE di UK dan antarabangsa. Dengan sokongan daripada pasukan yang terdiri daripada pekerja tempatan UK di samping warga kerja TNB dari Malaysia, Vantage bersedia untuk berkembang dengan pantas dalam pasaran, selaras dengan kedudukan TNB sebagai penggiat industri tenaga di UK yang berpengalaman dan diyakini.

Pelan pertumbuhan jangka pendek Vantage akan berfokus kepada pengambilalihan Renewable Obligation Certificates (ROCs) tersubsidi dan aset-aset Feed-in-Tariff (FiT) di serata UK dan Ireland. Pada Mei tahun ini, Vantage berjaya menyempurnakan pengambilalihan tambahan turbin angin darat dengan hasil kontrak di bawah skim FiT, menjadikan jumlah kapasiti tenaga angin syarikat kepada 26.6MW. Selain aset-aset sedia ada, Vantage juga sedang mengatur langkah untuk pengambilalihan aset-aset beroperasi termasuk aset yang akan diambil alih menerusi pembidaan bersaing.

“Langkah ini melakar laluan yang kukuh dan stabil buat Vantage untuk pengambilalihan lebih banyak aset-aset di UK dan Eropah, selain membuktikan kesungguhan TNB untuk mengembangkan perniagaan RE. Kami bersedia untuk meneroka peluang bersama rakan kongsi ekuiti yang berminat untuk menyertai pertumbuhan pesat perniagaan antarabangsa kami.

“Kami yakin platform baharu ini memberi usul nilai yang menarik kepada pelabur strategik dan kewangan yang inginkan pendedahan terhadap aset yang memberi kadar hasil yang stabil, selain komitmen terhadap matlamat ESG,” kata Ketua Pegawai Antarabangsa TNB, Shahazwan Harris.

Jejak RE TNB di UK bermula pada 2017 apabila ia melabur dalam Vortex Solar UK Ltd (Vortex), satu pelaburan ekuiti 50% dalam satu daripada platform solar terbesar di UK dengan skim subsidi ROCs. Pada 2018, portfolio RE TNB di UK semakin berkembang dengan pengambilalihan GVO Wind Ltd dan Bluemerang Capital Ltd. Aset-aset tersebut kini dikendalikan Tenaga Wind Ventures UK Ltd (TWV), sebuah anak syarikat milik penuh TNB yang memegang portfolio angin terbesar di UK.

Pada 2020, TNB melengkapkan pengambilalihan baki 20% pegangan dalam aset tenaga angin TWV menjadikan ia sebagai pemegang saham tunggal, selain tambahan 5% dalam Vortex untuk menjadi pemegang saham majoriti. Langkah ini dilakukan agar TNB bukan sekadar menjadi pemegang ekuiti malah mampu bertindak mengurus dan mengendalikan perniagaan RE tersebut bagi meningkatkan lagi hala tuju ESG TNB.

Meskipun berdepan dengan pandemik COVID dan kesannya terhadap dunia, aset-aset RE di UK kekal utuh sepanjang tahun dengan menyumbang kepada margin operasi yang kukuh menerusi inisiatif pengurusan aset yang aktif. Di masa hadapan, Vantage dijangka terus berkembang dan memenuhi potensinya sebagai penggiat RE global, disokong dengan polisi kerajaan yang kondusif, permintaan ESG global yang meningkat dan peralihan kepada RE sebagai sumber tenaga utama.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 Julai 2021, jam 4:30 petang**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /  
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

**Mengenai TNB**

*Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain menjadi syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2021, TNB membekalkan elektrik kepada hampir 10.1 juta pelanggan. Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyeyjukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkaitan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D). Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepadu, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my).*